



Jadual Pembacaan Khutbah Jumaat

2/ 2024 (Februari 2024)

تاریخ	تاجوق	بیل
2 Februari 2024M/ 21 Rejab 1445H	Rejab Yang Istimewa	1.
9 Februari 2024M/ 28 Rejab 1445H	Israk Dan Mikraj: Perkara Ghaib Tanpa Soal	2.
16 Februari 2024M/ 6 Sya'aban 1445H	Perpindahan Kiblat di Bulan Syaaban	3.
23 Februari 2024M/ 13 Sya'aban 1445H	Bulan Syaaban Yang Dekat di Hati	4.
Khutbah Kedua		

دبیایاء:



زكاة فولاو فينغ

دتریتکن:



جابتن حال إحوال اکام اسلام فولاو فينغ



***Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor
(Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBhg. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Tuan Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab
(Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





Perpindahan Kiblat di Bulan Syaaban

16 Februari 2024M/ 6 Syaaban 1445H

موک الله مرحمتي روح المرحوم فنوليس خطبة اين،
دوكتور احمد مجدي بن يوسف يغ تله كمبالي كرحمة الله
فد 27 دسيمبر 2023. الفاتحة

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ
الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا وَمَا جَعَلْنَا الْقِبْلَةَ الَّتِي كُنْتَ عَلَيْهَا إِلَّا لِنَعْلَمَ مَنْ يَتَّبِعُ الرَّسُولَ
مِمَّنْ يَنْقَلِبُ عَلَى عَقْبَيْهِ وَإِنْ كَانَتْ لَكَبِيرَةً إِلَّا عَلَى الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضِيعَ
إِيمَانَكُمْ إِنَّ اللَّهَ بِالنَّاسِ لَرَءُوفٌ رَحِيمٌ ﴿١٢٦﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، وَمَنْ اتَّبَعَ سُنَّتَهُ وَاقْتَفَى
آثَرَهُ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا عِبَادَ اللَّهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا
وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SIDANG MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah dengan melaksanakan segala titah perintah Allah serta meninggalkan segala larangan dan tegahan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati oleh Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Sebelum khatib meneruskan bicara, mohon sidang jemaah sekalian memberikan sepenuh perhatian dan tumpuan kepada khutbah pada hari



ini. Usahlah berbual-bual, bermain telefon bimbit, mengulit media sosial dan sebagainya. Khutbah yang akan disampaikan pada hari ini adalah bertajuk “**Perpindahan Kiblat di Bulan Syaaban.**”

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI OLEH ALLAH,

Syaaban merupakan bulan kelapan daripada tahun hijriah dan berada di antara bulan Rejab dan bulan Ramadhan. Sesungguhnya Syaaban merupakan bulan yang mempunyai banyak keistimewaan yang banyak. Baginda Rasulullah ﷺ tidak melepaskan peluang merebut fadhilatnya untuk mencari keredhaan dan rahmat Allah ﷻ.

Sebagai seorang muslim, kita perlu merebut peluang yang diberikan oleh Allah kepada kita dalam bulan Syaaban ini. Selain amalan berpuasa yang dilakukan oleh Baginda Rasulullah ﷺ, bulan ini juga melakar sejarah penting dalam Islam iaitu peristiwa pertukaran kiblat pada tahun kedua hijrah.

SIDANG JUMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 144:

قَدْ نَرَى تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةً تَرْضَاهَا فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ
الْحَرَامِ وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ ... ﴿١٤٤﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya Kami melihat wajah-Mu (wahai Muhammad) sering mendongak ke langit, maka akan Kami hadapkan muka-Mu ke*



kiblat yang kamu sukai. Maka hadapkanlah mukamu ke arah Masjid Al Haram (tempat letaknya kaabah). Walaupun di mana sahaja kamu berada, maka hadapkanlah mukamu ke arahnya.”

Pada saat wahyu diturunkan, Rasulullah ﷺ sedang mendirikan solat bersama-sama para sahabat. Mendengarkan wahyu tersebut, Baginda lantas menukar arah kiblat menghadap ke arah Baitullah dan para sahabat mengikuti perbuatan Nabi ﷺ tersebut.

Menurut satu riwayat, peristiwa pertukaran kiblat bermula apabila Rasulullah ﷺ keluar menziarahi ibu kepada Basyir Al-Barra' bin Ma'mur (بَشِيرُ الْبَرَاءِ بْنِ مَعْمُورٍ). Apabila masuknya waktu Zohor, Baginda mendirikan solat di *Masjid Bani Salamah* dan menjadi imam kepada jemaah solat. Setelah menyempurnakan rakaat kedua, turunlah perintah Allah untuk menukar kiblat ke arah Kaabah. Lantas Baginda dan para sahabat berpaling menghadap ke Kaabah dalam solat itu. Disebabkan peristiwa ini, masjid itu dinamakan dengan *Masjid Qiblatain* kerana di situlah dua kiblat dihimpunkan dalam satu solat. Al-Barra' bin Azib meriwayatkan:

صَلَيْنَا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَحْوَ بَيْتِ الْمَقْدِسِ سِتَّةَ عَشَرَ أَوْ سَبْعَةَ
عَشَرَ شَهْرًا ثُمَّ صَرَفَهُ نَحْوَ الْكَعْبَةِ

Maksudnya: *“Kami solat bersama Rasulullah dengan menghadap ke Baitul Maqdis selama enam belas atau tujuh belas bulan. Kemudian Baginda mengubahnya dengan menghadap Kaabah.”*



SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Semua umat Islam patuh dan tunduk sepenuhnya kepada arahan Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* secara mutlak. Sedangkan segolongan orang-orang Yahudi memperolok-olokkan Nabi dan umat Islam terhadap peristiwa tersebut. Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 142:

سَيَقُولُ السُّفَهَاءُ مِنَ النَّاسِ مَا وَلَّيْتُمْ مَا وَكَلْنَا قُلُوبَنَا وَمَا نَرَىٰ رُشْدًا فِي مَقْصَدِكُمْ إِنَّكُمْ لَكُنْتُمْ أَكْثَرًا لَّا خَبْرًا
وَالْمَغْرِبُ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَىٰ صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿١٤٢﴾

Maksudnya: “Orang-orang bodoh akan berkata: apakah yang memalingkan mereka (umat Islam) dari kiblat mereka (Baitul Maqdis) yang dahulunya mereka telah berkiblat kepadanya? Katakanlah: kepunyaan Allah timur dan barat, Dia memberi petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya ke jalan yang lurus.”

Kewajipan bersolat menghadap kiblat adalah satu perintah dan ketetapan daripada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Sesiapapun tidak boleh mempersoalkan mengapa perlu menghadap Kaabah apabila melakukan solat. Inilah sebenarnya konsep ketaatan. Kepatuhan mutlak hanya kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* sahaja dalam apa juga keadaan dan tidak boleh disamakan dengan ketaatan kepada makhluk.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kesimpulan daripada khutbah pada hari ini adalah:

Pertama: Umat Islam hendaklah mematuhi perintah Allah serta sabar dalam berdoa memohon kepada Allah untuk memberikan yang terbaik.

Kedua: Perubahan kiblat adalah pernyataan Tuhan tentang kesempurnaan agama Islam sebagai misi terakhir bagi umat manusia.

Ketiga: Orang yang menentang ajaran Islam tidak memiliki alasan untuk menolak Rasulullah sekaligus sebagai penegasan bahawa apa yang dilakukan Baginda bukanlah keinginan peribadi melainkan merupakan petunjuk dari Ilahi.

Allah berfirman dalam surah al-Maidah ayat 92:

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأَحْذَرُوا فَإِن تَوَلَّيْتُمْ فَأَعْلَمُوا أَنَّمَا عَلَى رَسُولِنَا الْبَلَاغُ الْمُبِينُ ﴿٩٢﴾

Maksudnya: “Dan taatilah Allah dan taatilah Rasul serta berhati-hatilah (janganlah sampai menyalahi perintah Allah dan Rasul-Nya). Oleh itu, jika kamu berpaling (enggan menurut perintah itu), maka ketahuilah bahawa sesungguhnya kewajipan Rasul kami hanyalah menyampaikan (perintah-perintah) dengan jelas nyata.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهِدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ، أَقُولُ
مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ، فَاسْتَغْفِرُوهُ،
إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.





Khutbah Kedua Bulan Februari

2024M/ 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،



وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعَظِيمًا لِسَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى رِضْوَانِهِ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

﴿الأحزاب: 56﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدِ بْنِ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib juga mengambil kesempatan ini untuk menyeru para jemaah sekalian agar terus memberikan sokongan padu tanpa berbelah-bagi kepada penduduk Palestin yang sedang dizalimi oleh Regim Zionis melalui serangan tanpa henti di Gaza dan Tebing Barat.

Semoga Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى menganugerahkan kejayaan, keselamatan dan kesejahteraan buat seluruh umat Islam serta rakyat Palestin khususnya. Semoga bumi Palestin kembali aman dan makmur di bawah rahmat Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أَيْمَتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزَرَءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا.



اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ،

وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيْمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ
صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri
Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul
Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْعَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرِّبَا وَالرِّزَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ
عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta dapat mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf melalui agensi milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) iaitu Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Wakaf Pulau Pinang (WPP).

Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama,



bangsa dan negara. Ya Allah! Kuatkan iman kami agar dapat menghindari perbuatan khianat, salah guna kuasa dan harta, memberi atau menerima rasuah dan segala perbuatan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٤٥﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾

